

peribahasa tersebut dan sekian banyak peribahasa yang lain, secara jelasnya bahawa masyarakat Melayu mengambil unsur alam yang dekat di sekeliling mereka untuk menyampaikan mesej tersirat secara halus. Keindahan alam ini diangkat oleh masyarakat Melayu sebagai gambaran berkias terhadap sesuatu perkara.

Kehalusan seni berbahasa masyarakat Melayu menerusi peribahasa terserlah dengan pemilihan unsur alam yang tepat mencerminkan sesuatu perkara yang ingin dikisahkan. Oleh hal yang demikian, peribahasa sentiasa meniti dari mulut ke mulut serta kerap digunakan apabila ingin menyampaikan mesej yang tersirat. Pada zaman dahulu, peribahasa bukan sahaja digunakan dalam majlis beradat seperti merisik, meminang, bertunang, berkahwin atau cukur jambul, malah sering digunakan dalam perbualan harian.

Masyarakat Melayu tradisional menyelitkan peribahasa dalam komunikasi mereka untuk menyindir secara berkias, memberi nasihat secara halus dan mengajar secara berkesan. Hal ini jelas menunjukkan bahawa peribahasa sangat bersesuaian dengan perihal kehidupan masyarakat Melayu yang terkenal dengan ketinggian budi pekerti dan kaya nilai kemanusiaan. Peribahasa juga tonggak kemelayuan yang mementingkan nilai kesantunan, berbudi bahasa dan hormat-menghormati yang menjadi rukun dan pegangan bangsanya. Oleh itu, peribahasa antara kreativiti masyarakat Melayu yang bukan semata-mata untuk mengindahkan pengucapan, tetapi sebagai pegangan serta amalan dalam kehidupan bermasyarakat.

Nilai falsafah dan etos dalam peribahasa juga jelas terpancar menerusi keteraturan pilihan kata yang menggambarkan tujuan atau maksud yang ingin disampaikan. Peribahasa mengandungi pelbagai tujuan, antaranya termasuklah pengajaran, nasihat, pedoman, sindiran, dan menyerlahkan nilai kemelayuan seperti merendah diri, bersopan santun, berbudi bahasa, kesetiaan dan hormat-menghormati yang menjadi tunjang dalam inti peribahasa itu sendiri. Sebagai contoh, peribahasa yang mempunyai unsur pengajaran, nasihat dan pedoman ialah "bertanya supaya tahu, berjalan supaya sampai", "senteng dibilai, singkat diulas", "sepahit-pahit mambu, kelatnya menjadi ubat" dan "fikir itu pelita hati" yang masing-masing bermaksud "kalau membuat kerja hendaklah dikaji dahulu dan biar sampai selesai", "yang kurang ditambah dan yang pendek disambung", "perkataan yang keras, tetapi mengandungi pengajaran itu mendatangkan kebaikan", dan "daya fikir merupakan penerang hidup".

Peribahasa yang menyerlahkan nilai kemelayuan pula ialah "bagai aur dengan tebing", "seperti ilmu padi kian berisi, kian runduk", "hutang emas dapat dibayar, hutang budi dibawa mati", dan "hidup dikandung adat, mati dikandung tanah" yang masing-masing bermaksud "hidup sandar-menandar, tolong-menolong atau bantu-membantu", "semakin berilmu atau tinggi pangkat semakin merendahkan diri (tidak sombong)", "budi bahasa orang tidak dibalas dengan wang dan harus diingat seumur hidup", dan "waktu hidup hendaklah mengikut peraturan dan kebiasaan yang berlaku, setelah mati terserahlah kepada Tuhan".

Selain itu, masyarakat Melayu juga kaya dengan kiasan ibarat yang berunsur sindiran. Antara peribahasa yang mempunyai unsur sindiran termasuklah "akal singkat pendapat kurang", "gila diagah bayang-bayang", "jauh menyalak kuat, dekat mencawat ekor" dan "lecah di kaki" yang masing-masing bermaksud "daya berfikir yang amat lemah", "dipersendakan kerana tidak mendapat sesuatu yang diinginkan", "orang yang berani bercakap besar di belakang sahaja", dan "suami yang tidak bertanggungjawab".

Nilai yang terkandung dalam peribahasa Melayu menyebabkan ungkapan indah ini sentiasa meniti di bibir masyarakat hingga hari ini. Peribahasa yang terdiri daripada pepatah, bidalan, perumpamaan dan perbilangannya yang merupakan kiasan selapis atau berlapis ini masih digunakan oleh masyarakat sama ada dalam penulisan ataupun perbualan. Sebagai misalnya, dalam media cetak, media elektronik dan media sosial, masyarakat pasti akan menggunakan peribahasa untuk menyampaikan sesuatu mesej atau memberikan pandangan secara berkias. Maka jelas bahawa budaya berbahasa masyarakat Melayu yang menyelitkan peribahasa sebagai salah satu bentuk komunikasi masih jelas kelihatan hingga kini. Walaupun penggunaannya tidak meluas tetapi masyarakat masih menggunakan peribahasa sebagai salah satu cara untuk meluahkan hasrat atau niat di sebalik kata yang ditulis atau ucapan yang dituturkan.

Kebelakangan ini muncul beberapa peribahasa moden yang dihasilkan menggunakan kosa kata terkini. Antara contoh peribahasa yang dikategorikan moden termasuklah "tekan lif naik sendiri", "di mana ada jalan, di situ ada *highway*", "ada udang di sebalik mi", "bagaimana Twitter tiada *followers*", "tiada WhatsApp, Wechat berguna juga" dan "lembu punya susu, Nestle dapat nama". Generasi muda juga memodifikasikan peribahasa lama sehingga maknanya menyimpang